

Headline	TNB organisasi paling dipercayai		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	19 Feb 2024	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	23
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	301 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 35,573		



# TNB organisasi paling dipercayai

*Syarikat dinobat entiti paling diyakini di Malaysia oleh Ipsos*

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dinobatkan sebagai organisasi/institusi korporat paling dipercayai di Malaysia pada tahun 2023 berdasarkan kajian terbaru oleh salah satu firma penyelidikan pasaran terbesar dunia Ipsos Sdn Bhd (Ipsos).

Kajian terbaru ini menyaksikan TNB menduduki tangga teratas sebagai entiti paling dipercayai di Malaysia mengatasi lebih 100 jenama dalam kaji selidik sepanjang tujuh bulan mulai April 2023. Selain itu, TNB juga diiktiraf sebagai jenama paling dipercayai dalam industri utiliti, mempamerkan kejayaan TNB dalam membina hubungan yang teguh dengan rakyat Malaysia.

Ipsos Malaysia dalam siaran akhbar bertajuk; *Ipsos Trust Track 2023: The Most Trusted Corporations and Institutions in Malaysia* mengumumkan nama lima syarikat teratas dengan TNB di tempat pertama, diikuti Keretapi Tanah Me-

layu Berhad dan seterusnya Shell, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Petron di tempat kelima.

Presiden dan Ketua Pengawal Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Baharin Din melahirkan kesyukuran atas pengiktirafan yang besar dan sangat bermakna terhadap perkhidmatan syarikat yang giat menerajui peralihan tenaga menuju pelepasan sifar bersih 2050.

“Kepercayaan dan keyakinan ini tidak boleh dibeli. Ia datang dari keyakinan masyarakat dan pendirian mereka terhadap amalan dan budaya kerja TNB. Pemegang taruh lazimnya selesa berurusan dengan organisasi yang dipercayai dan diyakini.

“Ini satu pengiktirafan besar maknanya dan semoga kepercayaan ini akan menterjemahkan cabaran-cabaran kepada peluang niaga baru kepada TNB, untuk kita mengungguli penyelesaian tenaga mampan kepada pelanggan serta rakyat,” katanya dalam ke-

nyataan.

Kaji selidik itu meliputi lebih 100 syarikat dan institusi di Malaysia dengan menemu bual lebih 7,000 responden yang memberi maklum balas bahawa kebanyakannya syarikat berupaya mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan dalam industri masing-masing.

TNB pernah tersenarai antara lima syarikat paling dipercayai pada penyertaan sulungnya dalam kaji selidik Ipsos pada 2021.

Mengulas lanjut pencapaian 2023, Baharin berkata, sejak Lembaga Letrik Negara (LLN) ditubuhkan lebih 74 tahun lalu, TNB terus membekalkan tenaga elektrik kepada negara.

“Ketika lebih 99 peratus rakyat sudah pun mendapat bekalan elektrik, peranan kami kekal dengan fokus memastikan bekalan berdaya harap demi membawa kehidupan sejahtera, Better, Brighter kepada rakyat Malaysia,” katanya.

Menurutnya, pengalaman menerajui industri tenaga elektrik lebih tujuh dekad, membolehkan TNB diyakini memimpin tiga projek utama Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), memacu Tenaga Boleh Baharu (TBB) pada skala besar dan inisiatif teknologi bersih sejajar sasaran Malaysia negara neutral karbon 2050.

**“Kepercayaan dan keyakinan ini tidak boleh dibeli**  
**Baharin**

